

Tun M kongsi pengalaman maju Malaysia

BH-16/11/2019 m/s:7

➔ Satu-satunya pemimpin dari luar Afrika diberi penghormatan pada ICEA-III



Fazli Abdullah
fazliabddullah@bh.com.my
Dakar, Senegal

Tun Dr Mahathir Mohamad, satu-satunya pemimpin dari luar Afrika yang diberi penghormatan berkongsi pengalaman pada Persidangan Antarabangsa Kemunculan Afrika Ke-3 (ICEA-III) sempena lawatan kerja dua hari ke republik ini yang bermula hari ini.

Perdana Menteri yang dijadualkan tiba di sini jam 3 petang waktu tempatan (11 Malam waktu Malaysia) akan berkongsi pengalaman beliau memimpin dan membangunkan Malaysia sejak 1981 hingga 2003 dan sekali lagi memegang tampuk pentadbiran negara sejak Mei lalu, menerusi beberapa siri perbincangan pada persidangan itu.

Ini adalah julung kali Dr Mahathir menyertai persidangan dua tahun sekali yang diadakan sejak 2015, yang bertujuan memberi so-

kongan kepada pertumbuhan Afrika berikutan pemulihan ekonomi global selepas krisis 2016 menerusi pembangunan kapasiti bagi menyediakan dan melaksanakan pelan kemunculan, menggabung kepakaran serta mendokumentasikan amalan baik di benua ini.

1,000 peserta sertai ICEA-III

Perdana Menteri akan diiringi isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Menteri Luar, Datuk Marzuki Yahya dan pegawai Wisma Putra.

ICEA-III bertemakan 'Kemunculan, Sektor Swasta dan Keterangkuman' yang akan dirasmikan Presiden Senegal, Macky Sall, akan turut disertai beberapa ketua kerajaan di Afrika, iaitu Presiden Kenya, Uhuru Kenyatta; Presiden Burkina Faso, Roch Marc Christian Kaboré, Presiden Rwanda, Paul Ka-

game dan Presiden Ivory Coast, Alassane Ouattara.

Lebih 1,000 peserta merangkumi wakil kerajaan dan swasta dari negara Afrika, masyarakat madani, ahli akademik dan tokoh serta pakar pelbagai sektor dari agensi antarabangsa termasuk Bank Dunia, Program Pembangunan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan serta Kesatuan Afrika dijadual menyertai persidangan itu.

Duta Besar Malaysia ke Senegal, Dr Shazelina Zainul Abidin, berkata ini adalah lawatan pertama Dr Mahathir selepas kali terakhir menyertai Sidang Kemuncak Kumpulan 15 di sini, kira-kira 27 tahun lalu.

"Perdana Menteri akan berkongsi pentas dengan ketua negara beberapa negara Afrika untuk mempersembahkan pengalaman membangun dan membawa negara ke persada antarabangsa.

"Ini yang negara Afrika mahu dengar daripada Dr Mahathir mengenai pengalaman Malaysia. Mereka sangat teruja untuk mendengarnya kerana Perdana Menteri sangat dihormati oleh negara Afrika," katanya, di sini, semalam.

Sepanjang pentadbiran beliau sebelum ini selama 22 tahun, Dr Mahathir terbabit dalam pelbagai usaha memperjuangkan suara negara Selatan seperti Afrika menerusi pelbagai platform termasuk penganjuran dialog perkongsian pintar yang terbukti membantu negara di benua itu dalam menangani isu di negara masing-masing seperti berkaitan soal kemiskinan.

Sempena ICEA-III, Perdana Menteri akan terlebih dahulu melakukan kunjungan hormat dan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Sall sejurus tiba di sini, hari ini.